

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL
[LEMBAH PANTAI]**

TARIKH : 5 OGOS 2020 (RABU)

SOALAN

TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL [LEMBAH PANTAI] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil Kerajaan untuk memastikan kebajikan anggota Polis Diraja Malaysia bukan sahaja terjamin malah bertambah baik.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui Kementerian Dalam Negeri (KDN) sentiasa meneliti dan membuat kajian secara berterusan bagi menambahbaik skim perkhidmatan, elaun-elaun serta kemudahan lain untuk membantu anggota-anggota PDRM terutama yang berpangkat rendah dalam menangani kos sara hidup yang kian meningkat.

Antara tindakan yang telah diambil bagi tujuan menjaga kebajikan dan mengurangkan bebanan anggota PDRM adalah seperti berikut:

- (i) Dalam memberikan keselesaan dan mengurangkan kos sewa rumah yang tinggi terutama di bandar-bandar besar, dalam tahun ini PDRM telah diberikan peruntukan untuk menyelenggara kuarters kediaman dan pembaikan pejabat serta kemudahan lain. Selain itu, peruntukan di

bawah Pakej Rangsangan Ekonomi diperuntukan kepada PDRM bagi tujuan pembaikan fasiliti, lokap, pos dan jeti Pasukan Gerak Am (PGA), PDRM;

- (ii) Dalam memastikan kesihatan anggota sentiasa di tahap yang baik, pihak PDRM telah mendirikan Pusat Saringan Kesihatan (PSK) sebagai projek perintis di Bukit Aman untuk membolehkan anggota mendapatkan rawatan awal atau merawat penyakit yang bukan kronik. Projek ini dilaksanakan bertujuan bagi mengurangkan kos perubatan kepada anggota di samping kemudahan rawatan percuma yang diterima di hospital Kerajaan. Antara pemeriksaan yang dijalankan di PSK adalah pemeriksaan berat badan, tekanan darah, kandungan gula dalam darah, *pap smear* dan konsultasi doktor. Langkah ini dapat mengurangkan kebergantungan kepada klinik swasta untuk mendapatkan rawatan. Inisiatif ini akan dikemukakan kepada Kerajaan untuk diperluaskan ke seluruh negara pada masa hadapan;
- (iii) Selain PSK, PDRM turut menyediakan pusat hemodialisis kepada anggota PDRM yang menghidap sakit buah pinggang dan rawatan yang diberikan adalah secara percuma;
- (iv) PDRM menyediakan TASKA di tempat kerja dan di kompleks perumahan PDRM bagi mengurangkan kos penjagaan anak-anak. Di samping itu juga, rumah transit turut disediakan untuk keluarga yang mengiringi pesakit di hospital;
- (v) PDRM turut menyediakan bantuan kepada anak-anak yatim, anak kurang upaya (OKU), bantuan pelajaran, hadiah perkahwinan dan bantuan khairat kematian melalui tabung kebajikan PDRM dan tabung-tabung lain yang ada dalam PDRM; dan
- (vi) PDRM juga turut menyediakan perkhidmatan pengangkutan pergi dan balik ke sekolah untuk anak-anak pegawai dan anggota PDRM secara percuma.